



PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA KE ARAH KEMUNCULAN NEGARA MALAYSIA YANG BERDAULAT

1	Latar Belakang Pembinaan Negara dan Bangsa	3
2.	Konsep Bangsa Malaysia	3
3.	Jelaskan konsep berikut	4
	(i) Negara	
	(ii) Bangsa	
	(iii) Kerajaan	
	(iv) Perlembagaan	
4.	Ciri-ciri negara dan bangsa yang dapat dikesan:-	5
	(i) Kesultanan Melayu Melaka	
	(ii) Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor	
	(iii) Sistem Jemaah Menteri Kelantan	
	(iv) Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu	
5	Pengenalan Malayan Union 1946 adalah usaha British menghapuskan Negara dan Bangsa. Jelaskan	9
6	Mengapakah Pakatan Murni penting dalam pembinaan negara dan bangsa?	10
7	Kejayaan Malaysia pada masa kini adalah hasil daripada Pakatan Murni. Buktikan	10
8.	Pembentukan Malaysia telah berjaya mengukuhkan konsep negara dan bangsa. Buktikan.	12
9.	Mengapakah Pakatan Murni penting dalam pembinaan negara dan bangsa ?	13
10.	Mengapakah semangat patriotisme merupakan aspek penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia?	14
11.	Mengapakah perpaduan antara kaum merupakan elemen penting dalam pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia.	15
12.	Kerjasama dan toleransi dalam kalangan pemimpin pelbagai kaum telah mewujudkan negara bangsa yang kukuh. Jelaskan.	16
13.	Jelaskan cabaran perpaduan kaum yang wujud di negara kita.	17





14.	Langkah-langkah yang boleh diambil bagi memupuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat di negara kita.	18
15.	Jelaskan Kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak mengamalkan Pakatan Murni.	20
16.	Jelaskan usaha untuk membina negara dan bangsa selepas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) sehingga negara mencapai kemerdekaan.	21
17.	Huraikan usaha kerajaan dalam meneruskan pembinaan negara dan bangsa selepas mencapai kemerdekaan	22
18.	Bagaimakah semangat patriotisme boleh dipupuk dalam kalangan generasi muda Malaysia?	26
19.	Kepentingan perpaduan kaum dalam pembentukan bangsa Malaysia	28
20.	Apakah iktibar yang dapat kita peroleh daripada kewujudan masyarakat berbilang kaum di negara kita?	29
21.	Rumusan pembinaan negara bangsa melalui pelaksanaan Pakatan Murni dalam aspek pengetahuan yang diperoleh, nilai patriotisme kepada diri, bangsa dan negara serta harapan .	30
22.	Rumusan tentang kepentingan pembinaan negara bangsa dalam aspek pengetahuan yang diperoleh, nilai patriotisme kepada diri, bangsa dan negara serta harapan untuk masa depan Malaysia yang gemilang.	31
TAJUK-TAJUK LAIN		
23.	Apakah kejayaan negara dan bangsa Malaysia yang dapat dibanggakan?	32
24.	Nyatakan konsep Sistem Ahli yang pernah dilaksanakan di Tanah Melayu	33
25.	Jelaskan tentang ciri-ciri sistem Ahli yang telah diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu	34
26.	Nyatakan maksud Pakatan Murni serta huraikan langkah-langkah yang diambil dalam usaha untuk melaksanakan Pakatan Murni.	35
27.	Bincangkan kejayaan Parti Perikatan dalam melaksanakan Pakatan Murni.	36
28.	Iktibar yang diperoleh daripada semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.	38
29.	Jelaskan peranan tokoh-tokoh kemerdekaan berikut: i. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ii. Tun Abdul Razak iii. Tun H. S. Lee iv. Tun V. T. Sambanthan	39



1. Latar belakang pembinaan negara dan bangsa

Pembinaan negara dan bangsa Malaysia bermula sejak tahun 1957 dan tidak terhenti di situ tetapi terus dimantapkan dengan pembentukan Malaysia pada September 1963 hingga ke hari ini. Pembinaan Negara Bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina Negara Bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme. Ia menjadi semakin penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara.

2. Konsep Bangsa Malaysia

Konsep bangsa Malaysia merupakan konsep baru bagi rakyat berbilang kaum di negara ini. Apabila Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957 dan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963. Dari sini maka lahirlah negara dan bangsa Malaysia. Bangsa Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang berlainan bahasa, budaya, kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan. Bangsa Malaysia telah dibentuk melalui penggunaan satu bahasa kebangsaan serta pengamalan kebudayaan kebangsaan dan Rukun Negara dalam setiap bidang kehidupan. Pembentukan bangsa Malaysia merupakan hasil perjuangan kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan pengekalan kemerdekaan yang diasaskan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu.

Oleh itu, konsep negara dan bangsa lebih sesuai digunakan dalam membincangkan pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Ciri-ciri negara dan bangsa Malaysia telah diasaskan sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka, semasa penjajahan Barat, dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan sebaik-baik sahaja negara Malaysia terbentuk. Sehingga kini proses pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang lebih bersatu padu dan progresif masih berterusan. Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab generasi pada hari ini untuk memastikan matlamat ini tercapai.



3. Jelaskan konsep berikut

(i) Negara

Negara ialah wilayah yang mempunyai penduduk, sempadan dan pemerintah yang berwibawa. Negara Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Negara juga merujuk kepada institusi pemerintahan yang tersusun yang bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan.

(ii) Bangsa

Bangsa pula merujuk kepada sekumpulan manusia yang mendiami sesebuah wilayah serta yang mempunyai persamaan dari segi bahasa, adat resam, kesenian, dan pengalaman sejarah. Idea bangsa kini sering digunakan oleh negara kita untuk melahirkan perasaan bersatu padu dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum demi membentuk bangsa Malaysia yang kukuh.

(iii) Kerajaan

Kerajaan ialah institusi pemerintah yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar sesebuah negara. Kerajaan atau institusi pemerintah ini merangkumi semua badan yang membuat, mentafsirkan dan melaksanakan dasar-dasar tersebut. Kerajaan juga bertindak sebagai pengaman dan penentu arah kehidupan masyarakat sesebuah negara. Kerajaan di negara kita merujuk kepada tiga badan dalam pemerintahan, iaitu Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman.

(iv) Perlembagaan

Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi sama ada bertulis atau tidak bertulis yang menjadi rujukan dan panduan bagi mentadbir dan memerintah sebuah negara. Di Malaysia, perlembagaan merupakan peraturan bertulis tertinggi yang didokumenkan dan dijadikan rujukan untuk mentadbir negara. Perlembagaan bertujuan memberikan jaminan perlindungan kepada rakyat negara ini.



4. Ciri-ciri negara dan bangsa yang dapat dikesan dalam:-

(i) Kesultanan Melayu Melaka

Ciri-ciri Kesultanan Melayu Melaka mempunyai banyak persamaan dengan ciri-ciri negara bangsa moden pada hari ini iaitu wilayah, pengaruh, kedaulatan, rakyat, kerajaan, lambang-lambang dan keunggulan undang-undang.

Setiap negara mempunyai wilayah iaitu kawasan tempat tinggal rakyat dan sempadannya yang diterima umum. Wilayah pengaruh merujuk kepada kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kawasan pengaruh wilayah yang luas iaitu meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh Sumatera.

Kedaulatan merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah dan kekuasaan ini tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak. Kedaulatan merujuk pada kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah yang boleh menggubal dan menguatkuasa undang-undang. Pengertian kedaulatan dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka berbeza daripada pengertian kedaulatan negara moden. Kedaulatan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dirujuk terus kepada raja yang memerintah yang mewakili negeri atau kawasan pemerintahannya.

Lambang negara pula merupakan simbol atau tanda yang menjadi identiti negara. Contohnya Bahasa Melayu merupakan Bahasa kebangsaan dan lambang penyatuan negara dan bangsa. Sistem pemerintahan beraja, adat istiadat melayu, Bahasa Melayu dan agama Islam merupakan warisan yang dikekalkan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga hari ini.

Salah satu asas pembentukan negara dan bangsa ialah keunggulan undang-undang dalam pemerintahan. Penguatkuasaan undang-undang merupakan cara formal untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang telah diwartakan. Undang-undang dicipta untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat. Keunggulan undang-undang menentukan struktur kerajaan, kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan di terima oleh masyarakat. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua undang-undang bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

Rakyat juga merupakan ciri pembentukan negara dan bangsa. Rakyat ialah seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah yang terikat kepada undang-



undang dan peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, rakyat bertanggungjawab mentaati raja yang memerintah dengan sedia mempertahankan negara menghadiri adat istiadat kerajaan, mengadakan gotong royong, kerahan tenaga dan sebagainya.

Ciri yang terakhir ialah kerajaan. Kerajaan merupakan badan yang diberi kuasa mengurus pentadbiran, menjaga keamanan, mempertahankan kedaulatan negara dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, raja atau sultan merupakan pemerintah tertinggi yang dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Mereka diberi portfolio mengikut bidang tugas masing-masing iaitu di istana, di darat, di laut, disekitar Melaka dan dijajahan takluk Melaka. Sistem Pembesar Empat Lipatan menjadi kesentosaan sistem pemerintahan beraja dan kerajaan di Melaka.

(ii) Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor

Dalam Perlembagaan Johor 1895, Majlis Mesyuarat Kerajaan dibahagikan kepada dua iaitu Majlis Negeri yang mempunyai kuasa perundangan dan Jemaah Menteri yang mempunyai kuasa pelaksanaan. Majlis Negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua dan berfungsi membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam mentadbir dan rakyat seperti yang termaktub dalam fasal 49 perlembagaan berkenaan. Jemaah menteri terdiri daripada lapan hingga dua belas orang pegawai kanan kerajaan yang menjadi ahli Majlis Negeri. Mereka ini berbangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan rakyat Johor. Semua yang dilantik perlu mengangkat sumpah dan memberi taat setia kepada Raja serta kerajaan Johor.

Perlembagaan bertulis ini didorong oleh keinginan pemerintah Johor untuk membentuk kerajaan bercorak demokrasi bagi menggantikan pemerintahan beraja berkuasa mutlak. Pengisytiharan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor berjaya memantapkan sistem pentadbiran Johor. Seterusnya, dapat menghalang rancangan British menguasai negeri Johor .

(iii) Sistem Jemaah Menteri Kelantan

Sistem Jemaah Menteri ini telah diamalkan sejak pemerintahan Sultan Muhammad I (1801-1836). Sultan muhammad I telah melantik berapa orang pembesar untuk membantu pentadbiran mereka.



Sultan Muhammad II (1836-1886) membentuk Sistem Jemaah Menteri mengikut bagi melicinkan pentadbiran dan pemerintahan negeri Kelantan. Terdapat lapan badan Jemaah Menteri setiap satu dianggotai oleh empat pembesar. Setiap jemaah menteri mempunyai bidang tugas masing-masing.

Penubuhan jemaah Menteri ini menunjukkan bahawa Kelantan sudah mempunyai sistem pentadbiran yang mantap sejak abad ke-19.

Baginda telah menyingkirkan kerabat diraja yang terlibat dalam pertikaian merebut kuasa dan mengantikannya dengan golongan pembesar yang bergelar Nik dan Wan. Golongan ini telah membantu mengukuhkan kewibawaan Sultan Muhammad II dengan memberikan taat setia kepada baginda. Di bawah pemerintahan Sultan Muhammad II, baginda membentuk 8 badan Jemaah Menteri dengan bidang kuasa berbeza, setiap satunya dianggotai oleh 4 orang pembesar.

Penstrukturran Sistem Jemaah Menteri Kelantan dilaksanakan melalui pembentukan Jemaah Penasihat Raja yang berperanan dalam menguruskan perkara dan urusan penting yang bukan rahsia. Manakala, Jemaah Menteri Istana akan menguruskan istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh negeri Kelantan. Selain itu, adanya Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman yang mengendalikan urusan penting tentang keadilan dan Kehakiman. Seterusnya, Jemaah Menteri Dalam Negeri bertugas menjaga keamanan negeri. Penubuhan Jemaah Menteri Luar pula berperanan untuk menguruskan dasar dan hal ehwal luar negeri. Seterusnya, Jemaah Menteri Perbendaharaan diwujudkan bagi mengendalikan harta benda dan hasil mahsul. Jemaah Menteri Peperangan pula bertanggungjawab bagi menguruskan pertahanan dan keamanan negeri. Akhir sekali, Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimaranan Negeri akan menguruskan kemajuan dan pembangunan negeri.

(iv) **Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu (ITTIQAN-ILMULUK BI'TA'DIL IL-SULUK)**

Pengasas Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu ialah Sultan Zainal Abidin III yang memerintah Terengganu dari tahun 1881 hingga 1918. Pada 1911, baginda meluluskan Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu yang dikenali sebagai ITTIQAN-ILMULUK BI'TA'DIL IL-SULUK yang bermaksud keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan.

Perlembagaan ini turut berasaskan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Tujuan Sultan Zainal Abidin III memperkenalkan perlembagaan ini



adalah untuk menghalang British meluaskan kuasanya di Terengganu. Kandungan perlembagaan bertulis ini masih mengekalkan amalan sistem monarki dengan memberi keistimewaan kepada agama Islam sebagai agama negeri. Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu juga mengandungi fasal antaranya berkaitan pelantikan Raja, syarat menjadi Raja, waris takhta, tertib Raja, zuriat Raja dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Perlembagaan ini turut menyenaraikan empat syarat menjadi Raja iaitu mestilah berbangsa Melayu, lelaki, beragama Islam serta merupakan waris Sultan pemerintah Terengganu.

Pemerintahan beraja di Terengganu ialah bercorak Raja Berperlombagaan. Pemerintah Terengganu mesti beragama Islam, berbangsa Melayu, lelaki dan merupakan waris Sultan yang memerintah Terengganu. Dalam melaksanakan pemerintahan, Sultan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri. Mereka yang menggantikannya Mesyuarat Kerajaan mestilah beragama Islam, berbangsa Melayu, rakyat Terengganu serta mengaku taat setia kepada Sultan dan Raja. Majlis Mesyuarat Kerajaan diketui oleh Menteri Besar yang dilantik oleh Sultan. Jemaah Menteri pula berhak memilih Naib Menteri Besar dengan perkenan Raja.

Perlombagaan Terengganu menjelaskan bidang tugas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu membantu Sultan mentadbir negeri Terengganu. Selain itu, menggubal undang-undang dan peraturan negeri. Turut berperanan menjaga kebijakan rakyat. Juga perlu menjaga keamanan negeri. Seterusnya, menjalin hubungan persahabatan dengan negeri lain. Kepentingan perlombagaan Terengganu ialah dapat menjamin sistem pentadbiran yang berkesan. Selain itu, dapat menggambarkan kebijaksanaan pemerintah Terengganu dalam mentadbir negeri. Seterusnya, meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dan sebagai benteng mempertahankan kedaulatan negeri.

(v) Negeri Sembilan : [Prinsip Demokrasi dan Konsep Persekutuan]

Negeri Sembilan terdiri daripada sembilan negeri iaitu Sungai Ujung, Rembau, Johol, Jelebu, Jempol, Seri Menanti, Inas, Terachi dan Gunung Pasir. Pada abad ke-18, Negeri Sembilan telahpun mempunyai rajanya sendiri iaitu Raja Melewar dengan gelaran Yam Tuan Besar. Negeri Sembilan merupakan negeri Melayu pertama yang bentuknya mirip Persekutuan sebelum terbentuknya Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Negeri Sembilan mengamalkan sistem pemerintahan berasaskan Adat Perpatih iaitu „kedaulatan berada di tangan rakyat“. Mengikut hierarki Adat Perpatih, pelantikan pemimpin dibuat daripada peringkat paling bawah iaitu anak buah.



Diikuti oleh buapak , kemudian Lembaga, seterusnya Undang yang kemudiannya melantik Yang Dipertuan Besar. Unsur demokrasi dalam sistem pemilihan pemimpin di Negeri Sembilan dapat dilihat melalui pembahagian kepada empat daerah atau jajahan yang disebut Luak Rembau, Luak Sungai Ujung, Luak Jelebu dan Luak Johol. Ketua setiap luak ialah Undang dan mereka dipilih oleh Lembaga. Undang dipertanggungjawabkan melantik Yang Dipertuan Besar. Lembaga pula dipilih oleh Buapak.

Lembaga merupakan Ketua Suku dan bertanggungjawab terhadap suku masingmasing. Buapak merupakan Ketua Perut. Setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah. Buapak menjadi tempat rujukan bagi setiap masalah khususnya yang berkaitan dengan adat. Sistem ini tidak mengamalkan kuasa mutlak tetapi mengagihkan kuasa kepada individu mengikut peringkat. Ini menunjukkan bahawa sistem pemilihan pemimpin Negeri Sembilan mempunyai unsur demokrasi. Sistem pemerintahannya telah melahirkan peraturan hidup seperti kepentingan bersama, semangat bergotong-royong, permuafakatan dan sikap saling menghormati antara satu sama lain. Sistem ini lebih mementingkan permuafakatan dan semangat kerjasama antara suku semasa memilih pemimpin.

5. Pengenalan Malayan Union 1946 adalah usaha British menghapuskan Negara dan Bangsa. Jelaskan

Pengenalan Malayan Union telah menghapuskan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai ketua orang Melayu. Raja-Raja Melayu telah kehilangan kuasa dan kredibiliti mereka.

Seterusnya Raja-Raja Melayu turut kehilangan takhta dan kuasa memerintah hal ini kerana Raja-Raja menjadi ahli biasa dalam Majlis Raja-Raja Melayu tanpa sebarang kuasa. Raja-Raja Melayu hanya berkuasa dalam membincangkan soal agama dan adat istiadat orang Melayu sahaja.

Seterusnya pungutan zakat pula diletakkan dibawah kuasa gabenor Malayan Union. Hal ini menyebabkan kedudukan Sultan sebagai ketua Islam turut tergugat. Ini telah mencabar kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi.

Pemberian kerakyatan yang longgar kepada orang dagang menyebabkan kedudukan status quo orang Melayu sebagai peribumi terjejas. Hal ini kerana melalui pemberian kerakyatan jus soli menyebabkan jumlah



orang Melayu menjadi semakin kecil akibat peningkatan kemasukan orang dagang.

Pemberian kerakyatan sama rata telah menghapuskan kedudukan istimewa orang Melayu sebagai peribumi. Hal ini menyebabkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu terus mundur.

Seterusnya melalui pembentukan sebuah bangsa Malayan Union, British dapat menguasai ekonomi tanah Melayu serta dapat mengurangkan kuasa politik orang Melayu.

6. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah usaha orang Melayu memulihkan semula pembinaan negara dan Bangsa. Buktikan pernyataan tersebut.

Melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, institusi raja-Raja Melayu dikenalkan dengan bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas dalam pentadbiran.

Kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam dipulihkan semula. Raja-Raja sebagai ketua orang Melayu diakui semula dan Raja juga sebagai ketua negeri telah diiktiraf, selain konsep Raja Berperlembagaan juga turut diperkenalkan.

Seterusnya syarat pemberian kerakyatan kepada bukan Melayu telah diperketatkan. Prinsip kerakyatan jus soli kepada bukan Melayu dibubarkan. Prinsip kerakyatan jus soli hanya diberi kepada rakyat Raja-Raja Melayu di Negeri-Negeri Melayu. Rakyat British pula merujuk kepada mereka yang tinggal dan lahir di Pulau Pinang dan Melaka sahaja.

Pengenalan semula rakyat Raja-Raja Melayu telah membuktikan penerusan dasar perlindungan British terhadap orang Melayu. British mengiktif semula kedudukan istimewa orang Melayu serta status quo negeri-negeri Melayu dilindungi semula. Agama Islam dan adat istiadat menjadi teras ketuanan Melayu.

7. Kejayaan Malaysia pada masa kini adalah hasil daripada Pakatan Murni. Buktikan

Pakatan murni telah berjaya mewujudkan perpaduan yang jitu antara kaum di negara kita. Masyarakat yang berbilang kaum hidup bekerjasama dan



tolak-ansur antara satu sama lain. Selain itu, mewujudkan persefahaman dalam menyelesaikan masalah yang timbul bagi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan hidup di negara kita. Sebagai contohnya, isu rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah berjaya diatasi dengan lebih aman di negara kita. Semangat perpaduan ini menjadi asas kekuatan negara kita.

Selain itu, pakatan murni juga berjaya mengetepikan perbezaan warna kulit, agama, bangsa dan bahasa dalam kalangan masyarakat di negara kita. Ini telah menghakis sikap benci-membenci dan mementingkan diri sendiri. Setiap kaum hormat-menghormati antara satu sama lain. Dengan mengamalkan budaya bangsa maka wujudlah sikap saling menghormati terhadap budaya dan cara hidup pelbagai kaum. Setiap kaum diberi hak untuk mengamalkan budaya dan cara hidup kaum masing-masing. Contohnya, Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah berjaya memperkuuh perpaduan melalui kebudayaan.

Seterusnya , melalui pakatan murni wujudnya integrasi nasional yang kukuh. Rakyat negara kita menerima dengan rela hati perkara tertentu dalam Perlembagaan Malaysia. Contohnya, hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Maka ini membawa kepada kesejahteraan kehidupan di negara kita.

Di samping itu, pakatan murni juga berjaya mewujudkan pemerintahan dan pentadbiran yang sistematik di negara kita. Hal ini kerana dapat menggabungkan pelbagai parti dalam kerajaan. Contohnya, Kerajaan Pakatan Harapan merupakan gabungan beberapa parti politik seperti PKR, PPBM , Amanah dan DAP. Setiap kaum diberi hak dalam politik secara adil. Kerajaan yang memerintah membahagikan anggota kabinet mengikut kaum bagi memastikan setiap kaum mendapat pembelaan politik. Hal ini telah memastikan keadaan politik negara kita sentiasa stabil.

Selanjutnya, Pakatan Murni juga mendorong ke arah kemajuan ekonomi negara kita. Kekayaan negara dikongsi secara bersama dan peluang ekonomi diagihkan secara adil bagi mengelakkan perbalahan antara kaum. Maka rakyat berganding bahu menghadapi cabaran bagi memastikan pembangunagn ekonomi dapat dilaksanakan dengan mudah. Selain itu, kerajaan memperuntukan sumber kewangan yang secukupnya dalam budjet negara supaya dapat membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Hal ini dapat mengurangkan jurang ekonomi dan wujudnya kerjasama ekonomi antara



kaum di negara kita. Hal ini jelas menunjukkan pakatan murni merupakan asas bagi kejayaan yang dicapai pada hari ini.

8. Pembentukan Malaysia telah berjaya mengukuhkan konsep negara dan bangsa. Buktikan.

Kerjasama pelbagai parti politik berjaya mengukuhkan konsep negara dan bangsa. Kewujudan pelbagai parti politik di Sabah dan Sarawak serta di Tanah Melayu telah membentuk Parti Perikatan Sabah yang terdiri daripada UNKO, USNO, Pasok Momugun ,Parti Bersatu , Parti Perikatan Sarawak yang menggabungkan parti parti lain seperti BERJASA, SNAP,PANAS, SCA dan PESAKA yang bergabung dengan Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC. Ini dengan jelas menunjukkan wujud kerjasama dan toleransi antara pelbagai kaum di negara kita.

Tuntutan 20 Perkara oleh Sabah dan Sarawak menunjukkan pemimpin-pemimpin di Sabah, Sarawak dan Tanah Melayu sanggup bertolak ansur demi masa depan negara. Contohnya, jawatan Ketua Negeri di Sabah dan Sarawak disandang dari kalangan pemimpin tempatan seperti Tun Datu Mustapha Datu Harun di Sabah. Di Sabah dan Sarawak agama Islam menjadi agama rasmi manakala Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan.

Kerajaan Persekutuan prihatin terhadap keselamatan dan kedaulatan negeri Sabah dengan mewujudkan “**ESSCOM Zone**” untuk menjaga keselamatan perairan Sabah dari serangan kumpulan militant Abu Sayyaf. Ini jelas menunjukkan kerjasama dan perpaduan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri demi masa depan negara dan bangsa.

Pembentukan Malaysia menjalin kerjasama ekonomi dengan mewujudkan pasaran luas dan menggalakkan pelaburan dalam industri pertanian, perlombongan dan perhutanan. Contohnya Lebuhraya Pan Borneo telah memangkinkan pembangunan ekonomi di Sarawak dan Sabah. Hal ini jelas menggambarkan kerjasama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri demi mengukuhkan negara dan bangsa.

Pemberian royalti minyak dari kerajaan negeri Sarawak jelas menunjukkan kerjasama ekonomi demi kemajuan negara dan bangsa. Belanjawan 2020 memberi peruntukan tertinggi untuk kerajaan negeri Sabah



dan Sarawak. Jelas sekali ini mewujudkan perpaduan wilayah dan seterusnya perpaduan negara .

Dari segi sosial, sambutan Hari Malaysia pada 16 September setiap tahun dilangsungkan sama ada di Sabah atau di Sarawak jelas menggambarkan kerjasama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Sambutan ini menyatupadukan pelbagai etnik dan kaum di Malaysia melalui persembahan yang mewakili kebudayaan pelbagai etnik dan kaum. Ini selaras dengan dasar Kebudayaan Kebangsaan yang bermatlamat menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia. Malah sambutan Hari Malaysia turut menarik kehadiran pelancong asing yang tertarik dengan kepelbagaian etnik dan kaum yang hidup bersatu padu dalam keadaan harmoni.

Selain itu, Sukan Malaysia (SUKMA) yang berlangsung dua tahun sekali jelas menggambarkan hubungan erat antara wilayah dengan penyertaan pelbagai kaum sejajar dengan Dasar Sukan Negara. Misalnya dalam kejohanan sukan ini ia melibatkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan etnik.

9. Mengapakah Pakatan Murni penting dalam pembinaan negara dan bangsa?

Pakatan Murni penting dalam pembinaan negara dan bangsa kerana Pakatan Murni dapat mempercepatkan pembinaan negara dan bangsa Malaysia melalui kerjasama antara kaum yang diwujudkan melalui proses rundingan. Kerjasama yang diperoleh melalui pengamalan sikap tolak ansur politik ini dianggap sebagai jalan penyelesaian untuk menyatupadukan rakyat pelbagai kaum. Selain itu, memudahkan penyelesaian masalah yang melibatkan kaum.

Di samping itu, Pakatan Murni ini juga telah membantu rakyat agar menghormati hak istimewa kaum tertentu seperti Hak Istimewa Orang Melayu, Agama Islam dan Kuasa Raja-raja Melayu yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia

Seterusnya, pembinaan negara dan bangsa Malaysia juga dapat dipercepatkan apabila pakatan murni telah berjaya mengetepikan perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa. Perkara seumpama ini telah menghakis sikap mementingkan diri sendiri di samping menerapkan perasaan menghormati hak setiap kaum untuk mengamalkan agama, kepercayaan dan



cara hidup kaum masing-masing. Oleh itu, sensitiviti setiap kaum akan dijaga. Hal ini telah membantu pakatan murni untuk mewujudkan masyarakat pelbagai kaum yang telah berjaya mengelakkan pertelingkahan atau persengketaan dan keharmonian kaum dapat dicapai.

10. Mengapakah semangat patriotisme merupakan aspek penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia?

Semangat patriotisme penting kerana semangat ini membolehkan setiap warganegara sanggup berkorban kepada negara dan bangsa. Hal ini dapat menanam sifat kepentingan negara akan mengatasi kepentingan diri sendiri. Dengan ini setiap rakyat akan menyokong dasar-dasar kerajaan seperti membayar cukai pendapatan kepada kerajaan. Ini membuktikan semangat patriotisme penting untuk pembangunan negara

Semangat patriotisme juga dapat memupuk sikap mencintai keamanan dalam diri seseorang. Hal ini membolehkan mereka menolak unsur keganasan dan dapat menjauhi diri mereka daripada menyertai kumpulan pengganas militant yang boleh merosakkan imej negara. Hal ini amat penting untuk mewujudkan kestabilan politik dalam negara.

Semangat patriotisme juga dapat menanam sifat taat setia kepada Raja dan Negara dalam diri seseorang. Hal ini membolehkan rakyat menghormati perlembagaan negara kerana tidak akan mempertikaikan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai ketua negeri dan Yang DiPertuan Agong sebagai ketua negara. Hal ini dapat mempertahankan maruah bangsa kita sebagai negara yang berdaulat.

Semangat patriotisme juga dapat memupuk sikap berdaya saing kepada rakyat Malaysia. Hal ini dapat mendorong seseorang menguasai teknologi moden seperti penguasaan bidang ICT. Ini seterusnya dapat merintis negara bersaing dengan negara-negara maju. Ini membuktikan bahawa semangat patriotisme boleh mendorong rakyat Malaysia bersemangat untuk mencipta kejayaan demi kejayaan.

Akhir sekali semangat patriotisme dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Hal ini membolehkan pelbagai kaum dapat kerjasama dalam membangunkan negara. Semangat ini dapat mengatasi perasaan prasangka kepada kaum lain. Ia juga dapat menghindari peristiwa 13 Mei 1969 berulang kembali. Pelbagai kaum dapat



berganding bahu untuk membangunkan negara. Ini membuktikan bahawa perpaduan adalah merupakan asas kepada kekuatan sesebuah negara

11. Mengapakah perpaduan antara kaum merupakan elemen penting dalam pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia.

Perpaduan antara kaum merupakan elemen penting dalam pembinaan negara dan bangsa kerana, dengan adanya perpaduan kaum dapat mengelakkan perselisihan faham antara kaum. Ini dapat mengelak rusuhan antara kaum. Contohnya dapat mengelak peristiwa 13 Mei 1969 berulang kembali. Keadaan ini dapat mewujudkan kestabilan politik serta suasana aman dan kehidupan yang harmoni antara kaum di negara kita. Kestabilan politik adalah tunjang kepada pembinaan negara dan bangsa.

Perpaduan kaum juga dapat menjana ekonomi negara. Hal ini kerana dapat menarik pelaburan asing. Ini akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita dan mengurangkan kadar pengangguran. Secara tidak langsung ia akan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat jelata dan seterusnya merintis kepada kesejahteraan hidup rakyat.

Perpaduan kaum juga boleh menggalakkan kemasukan pelancong luar. Hal ini yang demikian kerana mereka ingin melihat sendiri bagaimana perpaduan kaum yang wujud dalam kalangan rakyat Malaysia sehingga Malaysia menjadi sebuah negara yang aman dan damai. Secara implicit dapat memperkenalkan keindahan Malaysia kepada masyarakat luar seterusnya menaikkan nama negara. Oleh itu, wajarlah rakyat Malaysia mengamalkan perpaduan kaum kerana selain dapat menarik kedatangan pelancong, perpaduan juga mampu menaikkan nama negara di persada antarabangsa.

Perpaduan kaum dapat mengekalkan kedaulatan negara. Hal ini kerana musuh-musuh luar tidak dapat mencampuri urusan dalam negara kita. Semangat kekitaan dapat menanam perasaan cinta akan negara dan sanggup berkorban demi negara. Semangat jati diri dapat dipupuk apabila pelbagai kaum dapat hidup bersatu padu. Hal ini membolehkan musuh negara dapat ditangkis bersama.



12. Kerjasama dan toleransi dalam kalangan pemimpin pelbagai kaum telah mewujudkan negara bangsa yang kukuh. Jelaskan.

Kerjasama dan toleransi dalam kalangan pemimpin pelbagai kaum yang mengamalkan pendekatan musyawarah iaitu sentiasa berunding sekiranya wujud masalah atau isu. Pemimpin pelbagai kaum telah bekerjasama membentuk permuafakatan politik untuk menangani masalah atau isu. Contohnya, pakatan murni Pra-Perikatan dimana hasil rundingan UMNO dan CLC telah membawa penubuhan RIDA untuk orang Melayu di bawah pimpinan Dato Onn Jaafar dan Kerakyatan Negeri untuk bukan Melayu di bawah pimpinan Tun Tan Cheng Lock dan EEC Thuraisingam.

Pemimpin pelbagai kaum sentiasa mengutamakan tolak ansur politik dan tidak bertindak melulu. Pemimpin pelbagai kaum sentiasa bersikap terbuka dan menerima pandangan / kritikan pihak lain. Pemimpin pelbagai kaum sentiasa berdiplomasi dalam menangani sesuatu isu. Contoh Suruhanjaya Reid telah menerima 130 memorandum dari pelbagai pihak termasuk Raja-raja Melayu dan Parti Perikatan. Hasilnya wujud toleransi berkaitan hak pribumi untuk orang Melayu dan hak kerakyatan untuk bukan Melayu. Jelas kerjasama dan toleransi pemimpin pelbagai kaum telah mengukuhkan negara bangsa.

Pemimpin pelbagai kaum menghormati hak orang lain demi mengekalkan keharmonian hidup. Pemimpin pelbagai kaum tidak mengamalkan diskriminasi antara kaum dan tidak mementingkan diri. Contohnya semua kaum bebas mengamalkan agama masing-masing walaupun agama Islam adalah agama rasmi Persekutuan. Demikian juga semua kaum bebas berbahasa walaupun Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi Persekutuan. Ini penting demi masa depan negara bangsa yang kukuh.

Pemimpin pelbagai kaum telah bertoleransi dalam pelaksanaan DEB yang mempunyai serampang dua mata iaitu membasi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat demi pengukuhan negara bangsa. Dengan ini agihankekayaan secara sama rata dilaksanakan iaitu 30% pemilikan ekuiti saham Bumiputera dan seterusnya dapat mengelakkan prasangka perkauman atau mengelakkan tragedi 13 Mei berulang. Ini dapat menjamin kestabilan ekonomi dan menarik pelaburan asing dalam negara.



13. Jelaskan cabaran perpaduan kaum yang wujud di negara kita.

Cabaran utama untuk mengekalkan perpaduan kaum adalah kewujudan sistem pendidikan berbeza. Sistem persekolahan pelbagai aliran hanya akan menambahkan lagi jurang perpaduan kaum. Contohnya, wujudnya sekolah kebangsaan, sekolah tamil dan sekolah cina yang mengasingkan pelajar Melayu, India dan Cina. Keadaan ini sukar untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu kerana mereka telah diasingkan sejak awal lagi.

Perbezaan parti politik di Malaysia yang berasaskan perkauman juga akan menyukarkan perpaduan kaum. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa fahaman parti politik merupakan salah satu cabaran untuk mengekalkan perpaduan kaum di negara ini. Contohnya walaupun Barisan Nasional mewakli masyarakat berbilang kaum tetapi parti kompenannya terdiri daripada UMNO mewakili orang Melayu / Bumiputera Sabah manakala MCA mewakili orang Cina dan MIC oleh India.

Media sosial juga antara cabaran lain untuk mengekalkan perpaduan kaum. Penyebaran fitnah dan menyentuh sensitiviti kaum kian berleluasa di laman sosial. Perkara ini seharusnya dibendung oleh pihak kerajaan dengan segeradan tegas. Sekiranya gejala ini tidak dibendung tidak mustahil peristiwa berdarah 13 Mei 1969 kembali berulang.

Sektor ekonomi yang berbeza juga menyukarkan perpaduan kaum. Perbezaan sektor ekonomi ini pada mulanya diasaskan oleh dasar penjajahan British di Tanah Melayu . Contohnya ,masyarakat Melayu bekerja sebagai petani dan nelayan di kampung, masyarakat Cina pula mewarisi perniagaan secara turun-temurun dan tinggal di bandar manakala masyarakat India bekerja sebagai penoreh getah dan tinggal di estet . Sehubungan dengan itu, masalah ini mesti diselesaikan oleh pihak kerajaan bagi memastikan kekayaan ekonomi dikongsi secara bersama oleh rakyat berbilang kaum di negara kita.

Selain itu, terdapat segelintir inividu yang mengamalkan semangat perkauman yang sempit. Hal ini, juga antara cabaran dalam usaha untuk mengekalkan perpaduan kaum di negara kita. Sikap individu ini boleh menyebabkan jarak hubungan kaum di negara kita tidak murni dan boleh menjelaskan hubungan kaum di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Contohnya, individu tersebut memburuk-burukkan kaum lain selain daripada kaum mereka.



14. Langkah-langkah yang boleh diambil bagi memupuk perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Langkah yang boleh diambil ialah dengan memperbaiki dasar pendidikan negara. Dasar Pendidikan negara perlulah dirancang dan dilaksanakan dengan matlamat untuk melahirkan individu yang berilmu dan berkemahiran yang akhirnya mampu untuk bersaing dalam pelbagai bidang pada masa akan datang terutamanya bidang ekonomi.

Dalam sudut ekonomi ini, jurang ekonomi yang jauh berbeza antara kaum di negara ini menyulitkan kerajaan mencapai agenda perpaduan. Melalui pendidikan, pengenalan identiti kaum mengikut jenis pekerjaan juga dapat dihilangkan dan seterusnya dapat memupuk perpaduan kaum. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan melalui dasar pendidikan hendaklah melahirkan ramai golongan terpelajar dalam bidang ekonomi. Justeru itu, ia akan membawa kepada kemunculan individu-individu daripada pelbagai kaum untuk menyaingi kaum cina dalam bidang ekonomi khususnya bidang perniagaan.

Pada masa yang sama, kerajaan perlu memikirkan satu cara untuk meletakkan murid-murid daripada pelbagai kaum disatu sekolah yang sama supaya matlamat dasar pendidikan iaitu untuk menyatu dan mengintegrasikan kaum dapat dicapai. Penempatan murid daripada pelbagai kaum dalam satu sekolah atau kawasan mungkin dapat mewujudkan suasana yang lebih harmoni dan dapat mewujudkan sifat toleransi serta saling memahami antara satu sama lain.

Selain itu, menjadikan aktiviti sukan sebagai agen pengerat hubungan antara kaum. Negara kita telah mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan. Contohnya sukan skuasy, badminton, bola sepak dan sebagainya. Pelbagai lapisan masyarakat dan kaum telah menunjukkan semangat patriotik dengan bersatu memberikan sokongan kepada ahli-ahli sukan negara dan juga peserta-peserta yang terlibat. Kemenangan sama-sama diraikan dan kekalahan turut sama dirasai. Ini menunjukkan kejayaan aktiviti sukan dan permainan dalam institusi pendidikan dalam menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang.

Seterusnya, menjadikan bidang seni sebagai alat untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negara kita. Insan-insan seni yang memahami kebudayaan dan sensitiviti bangsa lain akan melahirkan karya-karya yang bercorak perpaduan. Melalui karya-karya sebegini, ia akan



membantu membuka minda individu lain ke arah kecemerlangan perpaduan. Sebagai contohnya seorang pengarah filem menghasilkan filem yang bercorak patriotik akan memberi kesan yang positif dan prasangka baik di kalangan penonton.

Perkahwinan campur atau perkahwinan berlainan bangsa bukan lagi menjadi perkara baru bahkan kebanyakannya direstui oleh keluarga kedua-dua pihak. Scenario ini banyak berlaku di negeri Sabah yang mana bilangan etniknya berjumlah 42 etnik. Jika pada suatu masa dahulu perkahwinan sebegini boleh menimbulkan persengketaan antara kedua-dua etnik, tetapi pada masa kini ia sudah menjadi kebiasaan hasil daripada sifat tolak ansur dan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Guru merupakan agen kerajaan untuk menyampaikan dan melaksanakan dasar pendidikan kepada murid dan masyarakat. Oleh itu, guru boleh berperanan menjadi agen bagi menyemai perpaduan dan integrasi kaum. Guru perlu dipersiapkan dengan ilmu pengetahuan yang cukup dan lengkap untuk menghadapi pelbagai situasi di sekolah dan masyarakat sekitarnya. Malah, guru perlu memahami misi, objektif dan matlamat akhir sesuatu dasar pendidikan supaya hasrat perlaksanaan sesuatu dasar itu terlaksana.

Media massa memberi pendedahan kebudayaan dalam pelbagai etnik. Media massa bukan hanya membekalkan fakta dan data tertentu. Ia juga memberikan maklumat tentang matlamat, maksud dan kesignifikanan sesuatu peristiwa. Media massa ini pula perlu peka dalam menyampaikan sesuatu dasar, lebih-lebih lagi jika isu tersebut menyentuh isu-isu sensitif supaya tidak menimbulkan konflik dalam kalangan masyarakat. Melalui maklumat yang tepat, masyarakat akan dapat memahami kehendak dan matlamat kerajaan dalam melaksanakan perpaduan kaum.

Setiap warganegara mestilah bersifat setia dan cinta akan negara. Kita hendaklah berbangga menjadi rakyat Malaysia tanpa mengira warna kulit, bahasa dan kepercayaan. Semua rakyat perlu mempertahankan nama baik negara dan berusaha untuk mengharumkan nama negara. Dengan memiliki sikap berbangga sebagai rakyat Malaysia, kita akan sentiasa berusaha mengekalkan perpaduan kaum walaupun kita berlainan kaum, kebudayaan dan kepercayaan. Pendek kata, sikap ‘di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung’ perlu diamalkan dan dijawi sepenuhnya.

Kita juga hendaklah mengamalkan semangat kekitaan dan menunjukkan keikhlasan dalam menjalin hubungan dengan anggota masyarakat yang



berbeza warna kulit, kebudayaan dan agama. Dengan mengamalkan sikap kekitaan sesama kita, sebenarnya kita boleh mewujudkan satu suasana hidup yang baik di samping dapat memelihara keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum. Kesediaan kita dalam mengamalkan sikap kekitaan ini akan menjadi contoh yang baik kepada generasi muda hari ini dan mereka juga akan terdorong untuk mengamalkannya. Hal ini tentunya akan dapat menjalin semangat perpaduan yang utuh dalam kalangan rakyat di negara ini. Lama kelamaan benteng prasangka dan prejudis yang bersarang di dada kita tentunya boleh dirobohkan seterusnya muncul negara Malaysia yang berdaulat.

Rukun Negara mesti dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum di negara kita. Pematuhan terhadap peraturan, undang-undang dan rukun negara, menunjukkan kita bersedia bersikap adil terhadap kaum lain dan menghormati amalan dan kepercayaan mereka serta hak mereka untuk hidup di negara ini. Hal ini akan mendorong kita untuk lebih bersikap bertolak ansur dan cuba memahami hak kaum lain. Kita tidak akan memperjuangkan hak untuk kaum kita semata-mata dengan menindas atau membelakangkan hak yang sepatutnya turut diterima oleh kaum lain. Kita juga akan sentiasa bersedia untuk berkongsi dalam sesuatu perkara yang dibenarkan oleh budaya kita tanpa mengorbankan prinsip undang-undang dan keadilan selaras dengan prinsip Rukun Negara.

15. Jelaskan Kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak mengamalkan Pakatan Murni.

Kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak mengamalkan Pakatan Murni adalah berlakunya ketidakstabilan politik dan pentadbiran negara tidak dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, keharmonian, keamanan dan keselamatan negara akan terjejas. Negara juga menjadi kacau - bilau dan huru - hara. Maka, menjatuhkan imej negara di mata dunia.

Di samping itu juga, ia boleh menggugat kedaulatan negara. Negara asing akan mengambil kesempatan untuk menjajah negara kita. Secara tidak langsung, rakyat hidup dalam keadaan ketakutan, tidak tenteram, berpecah - belah dan dalam keadaan mundur serta ketamadunan juga tidak dapat dicapai. Rakyat juga berasa terkongkong maka, perasaan tidak puas hati akan wujud sekaligus boleh menyebabkan berlakunya pertelingkahan atau rusuhan kaum seperti peristiwa hitam 13 Mei 1969.



Manakala, dari segi ekonomi pula, pembangunan ekonomi tidak stabil. Maka, kemajuan negara akan terbantut. Peniaga tidak dapat meneruskan perniagaan mereka. Selain itu, pelabur asing tidak mahu melabur ke negara kita. Hal ini yang demikian akan menyebabkan negara kita mengalami kerugian atau defisit. Pendapatan negara juga akan berkurang disebabkan oleh kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan yang lebih besar dalam bidang keselamatan bagi memastikan negara berada dalam keadaan aman.

Akhir sekali, kesan dari segi sosial pula, ia boleh menjelaskan sistem pendidikan di Malaysia. Dengan kekurangan sumber kewangan, kemudahan sosial seperti sekolah akan terjejas. Oleh itu, usaha untuk melahirkan modal insan untuk pembangunan negara akan terbantut.

16. Jelaskan usaha untuk membina negara dan bangsa selepas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) sehingga negara mencapai kemerdekaan.

Usaha pertama dalam pembinaan negara dan bangsa selepas pembentukan PTM 1948 ialah penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC). Buat pertama kalinya, UMNO bekerjasama dengan orang bukan Melayu khususnya masyarakat Cina (MCA). Perkara ini merupakan perubahan terhadap dasar UMNO kerana kesanggupannya berunding dengan kaum lain untuk membina Negara dan Bangsa. Seterusnya, kaum - kaum lain juga seperti India dan Sri Lanka. Menurut Dato' Onn perpaduan antara kaum patut menjadi asas kemerdekaan Tanah Melayu. Dasar tolak ansur ini telah mebawa kepada penubuhan RIDA yang menjadi agensi membantu ekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu di luar bandar. UMNO sanggup bersetuju melonggarkan syarat pemberian kerakyatan kepada golongan imigran melalui Kerakyatan Negeri 1951 dalam usaha untuk mencapai perpaduan kaum dan ke arah kemerdekaan.

Langkah seterusnya, ialah Dato' Onn mencadangkan Sistem Ahli. Tujuannya adalah melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu. Perkara ini menjadi asas kepada pembentukan perpaduan kaum dan ke arah kemerdekaan. Dengan ini, pemimpin dari kaum Melayu iaitu Dato' Onn bin Jaafar, pemimpin dari kaum Cina iaitu Lee Tiang Keng, dan pemimpin dari kaum India iaitu Dato' EEC Thuraisingam diberi peluang untuk memegang jawatan sebagai Ahli. Perkongsian kuasa ini telah menjadi asas kepada pembinaan Negara dan Bangsa serta diwarisi sehingga kini.



Di samping itu, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dan Sistem Ahli telah menjadi perintis untuk membentuk Parti Pra Perikatan untuk menghadapi Pilihan Raya Majlis Perbandaran dan Negeri. Kejayaan yang amat memberangsangkan yang dicapai oleh Parti Perikatan dalam kedua - dua Pilihan Raya ini mendorong mereka berganding bahu bersama dengan MIC dan membentuk Parti Perikatan kali pertama untuk menghadapi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955. Kemenangan besar Parti Perikatan iaitu 51 daripada 52 buah kerusi yang telah dipertandingkan menjadi faktor utama untuk Pengurus Parti Perikatan iaitu Tunku Abdul Rahman untuk memulakan Rundingan Kemerdekaan di London. Kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya merupakan bukti yang nyata dalam pembinaan Negara dan Bangsa yang berjaya sehingga kini.

Akhir sekali, perjuangan kemerdekaan menjadi kenyataan selepas Rombongan Kemerdekaan dijayakan di London. Dengan ini, Suruhanjaya Reid dibentuk untuk merangka Perlembagaan bagi Tanah Melayu yang merdeka. Suruhanjaya Reid dibentuk dengan mengambil kira pelbagai isu seperti kedudukan Raja - Raja Melayu, hak istimewa orang Melayu, agama Islam, dan kedudukan orang bukan Melayu. Dengan tolak ansur satu pakatan murni antara kaum telah terbina di Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Prinsip - prinsip Kemerdekaan 1957 ini adalah satu penerusan kepada pembinaan Negara dan Bangsa yang kukuh, sistematik, dan berperundangan. Kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 berjaya membentuk identiti Negara dan Bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

17. Huraikan usaha kerajaan dalam meneruskan pembinaan negara dan bangsa yang berdaulat selepas mencapai kemerdekaan

Sejak negara mencapai kemerdekaan, kerajaan telah menitikberatkan usaha untuk melaksanakan pembangunan dengan lebih sistematik bagi memperbaiki taraf hidup semua kaum. Pembangunan negara merangkumi beberapa bidang seperti ekonomi, sosial dan sebagainya. Dalam konteks masyarakat berbilang kaum, kerajaan telah menggubal pelbagai dasar pembangunan bertujuan untuk mencapai perpaduan negara bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi yang timbul akibat daripada dasar penjajahan British. Walau bagaimanapun apabila tercetusnya Tragedi 13 Mei pada tahun 1969, kerajaan telah mengambil langkah menilai semula dan memperbaharui strategi-strategi tertentu untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan yang wujud ketika itu. Tragedi 13 Mei juga memberi



pengajaran pahit kepada negara dan menunjukkan bahawa seruan-seruan berasaskan isu-isu dan perasaan perkauman yang tidak terbatas dan keterlaluan boleh mengancam keamanan dan kestabilan negara.

Selepas merdeka, kerajaan telah memulakan usaha untuk membina negara dan bangsa dengan lebih tersusun. Usaha ini dilakukan untuk mengatasi berbagai-bagai masalah sosio ekonomi dan politik yang timbul akibat kesan peninggalan dasar-dasar pembangunan yang diamalkan oleh pihak penjajah. Tanggungjawab utama kerajaan ialah untuk membangunkan negara agar hasilnya boleh dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat tidak kira keturunan atau kaum tertentu.

Rancangan-rancangan pembangunan lima tahun telah menjadi strategi utama pembangunan negara untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Program pembangunan ini dibuat bagi memastikan seluruh rakyat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran yang menjadi matlamat dan hasrat kerajaan untuk melahirkan negarabangsa yang mantap. Tiap-tiap rancangan pembangunan lima tahun mempunyai ciri-ciri dan kesinambungan dasar dan matlamat yang sama.

Rancangan Malaya Pertama dan Kedua telah menumpukan perhatian kepada pembinaan infrastruktur. Rancangan Malaysia Pertama menitikberatkan pertumbuhan ekonomi dengan harapan hasil-hasil pertumbuhan ini dapat dibahagikan kepada golongan yang miskin dan kurang bernasib baik. Ia memberi tumpuan kepada pembangunan negara secara menyeluruh meliputi semua bidang ekonomi. Skim-skim luar bandar diberi perhatian dengan rancangan pembukaan tanah secara besar-besaran seperti Rancangan FELDA Jengka. Hasilnya taraf hidup golongan miskin terutamanya masyarakat di luar bandar dapat dipertingkatkan. Peningkatan taraf hidup rakyat merupakan salah satu strategik untuk membina sebuah negara bangsa yang stabil dan kukuh.

Kerajaan sedar bahawa, salah satu halangan untuk melahirkan negara dan bangsa yang kukuh ialah wujudnya perbezaan taraf sosio ekonomi antara kaum di negara ini. Sebagai salah satu usaha yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menanangani masalah ini ialah melancarkan program Dasar Ekonomi Baru (1971-1990).

DEB dilaksanakan melalui strategi serampang dua mata, iaitu yang pertama, mengurangkan dan membasi kemiskinan dengan menambahkan



pendapatan dan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira keturunan dan kaum; serta mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi membaiki ketidakseimbangan ekonomi di antara kaum. Usaha ini diharap dapat mengurang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi agar sebuah negara bangsa Malaysia yang serba kuat dapat dilahirkan.

Untuk membasmi kemiskinan, kerajaan telah meneruskan usaha-usaha seperti mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di pelbagai sektor untuk diisi oleh semua kaum dan ini boleh mengurangkan kadar pengangguran; kedua, mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara kaum, antara kawasan dan antara wilayah, ketiga, meningkatkan produktiviti dan pendapatan dengan menambahkan kemudahan semua golongan miskin di luar bandar mahupun di bandar, melalui peluang-peluang kemahiran, tanah, modal dan lain-lain; dan keempat memperbaiki taraf dan kualiti kehidupan melalui pelajaran, latihan, kesihatan, kemudahan infrastruktur dan

Penyusunan semula masyarakat menjadi matlamat penting ekoran wujud ketidakseimbangan pembahagian tempat tinggal, pekerjaan, pendapatan, pendidikan, kemudahan sosial, kesihatan, pengangkutan dan perhubungan dan pemilikan harta benda serta mutu dan taraf kehidupan pelbagai kaum dan dengan setiap kaum akan mendapat faedah dan pembahagian yang adil. Ini seterusnya akan membantu usaha kerajaan untuk melahirkan negara bangsa yang kukuh dan maju.

Sistem pelajaran secara umumnya adalah amat penting untuk kemajuan sesebuah negara. Justeru, sebagai salah satu usaha murni kerajaan Malaysia ialah menggubal sebuah dasar pelajaran yang standard. Pendidikan merupakan kunci utama pembinaan negara dan bangsa. Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK) yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961, adalah berdasarkan kepada Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib. DPK merupakan satu lagi usaha murni kerajaan Malaysia untuk membina negara dan bangsa. Matlamat utama dasar ini ialah untuk mencapai perpaduan negara yang merangkumi aspek-aspek sosio ekonomi dan politik. DPK lahir berdasarkan kesedaran para pemimpin negara yang menyedari perlunya diwujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan bagi menggantikan sistem pendidikan yang diwarisi dari zaman penjajah. Sistem pendidikan yang seragam dapat memupuk perpaduan yang menjadi tonggak utama pembinaan negara dan bangsa.



Kebudayaan kebangsaan yang dilancarkan oleh kerajaan adalah bercirikan unsur-unsur kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima dan yang terpentingnya ialah Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, Malaysia memerlukan satu dasar kebudayaan kebangsaan bagi mencerminkan keperibadian negara. Langkah ini adalah amat penting untuk membina negara bangsa yang mantap. Elemen perpaduan adalah instrument yang sangat penting untuk sesebuah kerajaan lahirkan negara dan bangsa yang kukuh. Langkah kerajaan mewujudkan konsep Kebudayaan Kebangsaan adalah sesuatu yang tepat agar pembinaan negara bangsa dapat direalisasikan. Menerusi dasar Kebudayaan Kebangsaan, proses pembinaan negara dan bangsa akan dapat dipercepatkan kerana masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan cara hidup dapat disatukan di bawah satu payung yang besar yang akan dikenali sebagai Kebudayaan Malaysia.

Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia. Rukun Negara menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk. Rukun Negara merupakan batu asas kepada pembinaan negara dan bangsa yang diidamkan oleh kerajaan Malaysia. Objektif dan matlamat RN ialah mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat, serta memelihara satu cara hidup demokratik.

Salah satu usaha terkini oleh Kerajaan Malaysia ialah menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, telah merancang untuk mengadakan Hari Rukun Negara mulai 2020 yang bertujuan meningkatkan semangat bersatu padu dan saling hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Pada hari tersebut, semua pihak termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi serta sektor awam dan swasta akan melafazkan ikrar Rukun Negara secara serentak di seluruh negara. Usaha membina negara dan bangsa adalah satu proses yang memakan masa yang lama. Namun menerusi program dan dasar dasar kerajaan yang pragmatik, proses pembinaan negara dan bangsa dapat dipercepatkan.

Konsep pembinaan negara dan bangsa juga turut dibantu oleh Dasar Sukan Negara. Sukan adalah agen perpaduan yang berkesan bagi segenap lapisan masyarakat. Dalam perspektif ini, Malaysia adalah antara negara yang



telah terbukti berjaya menggunakan sukan sebagai platform kepada pengukuhan integrasi nasional. Dasar Sukan Negara menggariskan matlamat, objektif, strategi, peranan dan tanggungjawab setiap rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan budaya. Dasar Sukan Negara merupakan dasar pembangunan sukan ke arah pembentukan budaya sukan dan pemantapan integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh dan pencapaian kecemerlangan di peringkat antarabangsa. Sukan akan membantu kerajaan mencapai matlamat pembangunan negara, perpaduan dan kestabilan yang berterusan. Sukan juga menggalakkan sikap muhibah dan toleransi yang tinggi. Sukan memberi peluang dan ruang untuk mengintegrasikan pelbagai kaum kepada satu masyarakat yang bersatu padu ke arah pemupukan maruah bangsa dan negara.

18. Bagaimanakah semangat patriotisme boleh dipupuk dalam kalangan generasi muda Malaysia?

Semangat patriotisme perlu ditanam dan dipupuk sejak zaman kanak-kanak lagi kerana apabila kanak-kanak menyukai rumah dan negara mereka, mereka akan membesar dengan menghargai warisan, kepelbagaian dan sejarah mereka, dan berusaha untuk memperbaiki Malaysia dalam semua aspek.

Semangat patriotisme boleh ditanam dalam kalangan pelajar melalui kesedaran, pendidikan dan pengetahuan. Sistem pendidikan harus disesuaikan untuk memupuk rasa bangga dan kepunyaan bangsa.

Rasa kepunyaan ialah unsur penting yang perlu dipupuk dan dipelihara dalam kalangan pelajar. Hanya melalui perasaan kepunyaan, generasi muda Malaysia boleh dibentuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan matang serta memimpin negara pada masa hadapan.

Kanak-kanak kecil boleh dibentuk dengan tidak melihat perkara melalui kanta berwarna. Letakkan anak-anak bersama-sama dan biarkan mereka membesar bersama supaya anak-anak akan dapat mengenali, memahami dan menghayati rakan mereka yang mempunyai warna kulit yang berbeza atau latar belakang keagamaan. Generasi muda mesti dimaklumkan dengan kepentingan perpaduan, perpaduan sosial dan perdamaian kerana mereka adalah tonggak utama kejayaan dan pembangunan negara. Oleh sebab pelajar adalah pemimpin masa depan negara, penting untuk mereka



menjalinkan hubungan lebih rapat walaupun terdapat perbezaan dalam bangsa, budaya dan agama.

Memupuk perpaduan harus bermula di sekolah dengan usaha dapat dilakukan untuk memupuk nilai-nilai keharmonian, perpaduan dan kedamaian antara kaum. Oleh itu, pelajar perlu mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah dan luar sekolah bagi membolehkan mereka berinteraksi antara satu sama lain dan membina persahabatan yang berkekalan. Guru perlu menggunakan kreativiti dan kemahiran memastikan pelajar semua kaum mengambil bahagian dalam aktiviti bagi meningkatkan integrasi kaum. Manakala, pengetua sekolah dan guru perlu menggalakkan pelajar memahami satu sama lain dengan lebih baik dan saling menghormati antara satu sama lain. Mereka mesti menjadi penggerak utama transformasi pendidikan kita, bukan sahaja untuk mengajar dan memberikan pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga untuk menyatupadukan pelajar dari pelbagai kaum melalui aktiviti selaras dengan aspirasi Malaysia yang bersatu padu.

Ibu bapa perlu memupuk dan mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan seharian mereka untuk memberi inspirasi kepada anak-anak untuk mencontohi kelakuan baik yang akan membantu mereka membina negara yang stabil. Nilai seperti kejujuran, integriti, toleransi, ketekunan, keadilan, menghormati orang tua dan kesedaran sivik mesti dikekalkan.

Selepas 62 tahun kemerdekaan, kita rakyat Malaysia harus lebih bersatu kerana kita berkongsi harapan, aspirasi dan impian yang sama. Kita semua harus bangga mengenali diri kita sebagai rakyat Malaysia. Saya sentiasa percaya untuk menjadi rakyat Malaysia tidak menjadikan orang Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban atau Bidayuh kurang identiti masing-masing.

Perpaduan dan integrasi negara dapat lebih kuat dan lebih bersemangat menerusi penanaman nilai patriotisme. Sejarah telah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran apabila rakyatnya bersatu.

Kepelbagaian kita ialah kekuatan kita dan resipi kejayaan dalam mencapai kemajuan dan peningkatan sosioekonomi, serta keupayaan kita untuk mengatasi pelbagai masalah. Rakyat Malaysia yang berbeza etnik, agama dan warna kulit melengkapi antara satu sama lain dan kepelbagaian kita tidak boleh menjadi halangan bagi kita untuk menjalani kehidupan yang bersatu dan harmoni.



Semua rakyat Malaysia, terutama generasi muda, perlu menghayati konsep perpaduan. Setiap warga negara semestinya menerima keunikan orang lain supaya kita dapat hidup bersama dalam saling menghormati dan mempercayai. Ini kunci kepada kemunculan negara Malaysia yang berdaulat.

Kita perlu memberi peluang kepada anak muda kita untuk membuktikan diri mereka dan untuk mencapai kecemerlangan. Kita juga perlu menanamkan nilai sosial dan moral yang baik di dalamnya untuk menangani konflik secara positif dan menangani masalah yang berkaitan dengan gangguan sosial.

Belia kita mesti mempunyai keupayaan dan mengambil inisiatif untuk menjadi ‘pembina jambatan antara etnik’ untuk meningkatkan hubungan etnik di negara ini dengan meneutralkan politik kebencian, polarisasi kaum dan eksklusif kaum yang nampaknya semakin meningkat sekarang.

19. Kepentingan Perpaduan Kaum Dalam Pembentukan Bangsa Malaysia

Sejak 31 Ogos 1957, penduduk Malaysia yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum iaitu Melayu, India, Cina dan kaum-kaum lain hidup bekerjasama. Tun Dr.Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah menggariskan sembilan cabaran yang perlu direalisasikan menjelang tahun 2020. Salah satu cabaran yang terdapat dalam Wawasan 2020 ialah pembentukan masyarakat yang bersatu padu dan penyayang.

Selain itu, semangat perpaduan ialah asas pembangunan negara bangsa kerana sebarang keretakan dalam hubungan akan menjelaskan iktisad negara. Antara sumbangan yang terbesar masyarakat yang bersatu padu adalah dari segi ekonomi. Pasca kemerdekaan, negara Malaysia menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang rancak. Misalnya, kemajuan dalam bidang perindustrian. Kemajuan yang dicapai oleh Malaysia begitu dikagumi masyarakat antarabangsa kerana dapat bersaing dengan negara-negara maju yang lain. Pertumbuhan ekonomi ini merupakan sumbangan rakyat yang hidup bersatu padu.

Negara yang aman merupakan negara yang bebas daripada apa-apa jenis kekecohan. Hal ini membuktikan bahawa negara yang aman dan damai akan mendorong pelancong untuk melancong ke negara kita. Keadaan ini secara tidak langsung akan dapat memajukan sektor pelancongan dan menambah pendapatan negara dengan kehadiran pelancong.



Segala sikap positif akan dapat membentuk hidup yang aman damai. Ini secara tidak langsung dapat melahirkan kestabilan politik negara. Kestabilan politik negara amat penting untuk menarik pelabur asing untuk melabur modal di negara kita.

Jelaslah bahawa pentingnya perpaduan kaum dalam pembentukan bangsa Malaysia. Kecenderungan bersatu padu amat penting kepada masyarakat dan negara untuk menuju ke arah pembentukan negara supaya dapat mencapai kemajuan dan agar wawasan 2020 menjadi realiti dan bukan fantasi semata-mata. Oleh itu,kita perlulah memasang iltizam untuk memartabatkannya dengan hidup bersatu padu.

20. Apakah iktibar yang dapat kita peroleh daripada kewujudan masyarakat berbilang kaum di negara kita?

Kita juga seharusnya mengambil iktibar bahawa perpaduan hanya dapat dicapai jika semua rakyat bersatu padu , bertolak ansur, hormat menghormati antara sesama angota masyarakat tanpa mengira latar belakang negeri, kaum atau bangsa.

Keamanan negara turut dapat dipertingkatkan apabila perpaduan kaum telah meresap kedalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Seperti yang kita ketahui, tanpa perpaduan kaum, keamanan tidak dapat diwujudkan kerana rakyat akan bergaduh sesama sendiri sehingga menghancurkan keamanan sesebuah negara yang telah dibina. Pertelingkahan yang berlaku antara rakyat hanya akan menghasilkan suasana hidup yang porak-peranda. Oleh hal yang demikian, benarlah perpaduan kaum itu penting untuk meningkatkan keamanan negara.

Keharmonian ini juga mestilah dikekalkan untuk melahirkan perasaan cintakan tanah air dan sanggup berkorban untuk negara kita. Perpaduan dalam kalangan etnik di negara ini juga akan dapat mengukuhkan lagi keselamatan negara daripada ancaman luar dan dalam negara. Warganegara yang memiliki semangat patriotisme akan melahirkan kekuatan dalam mempertahankan negara ini daripada campurtangan kuasa luar seterusnya memelihara kedaulatan negara ini dan akan memastikan kemerdekaan negara kekal selamanya.

Keamanan negara ini sangat penting dalam usaha negara menjadi negara kita sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Faktor utama untuk



memastikan kejayaan ini boleh dicapai ialah melalui keamanan dan kesejahteraan negara serta tiada kekacauan yang berlaku. Pengalaman sejarah hitam peristiwa 13 Mei 1969 wajar dijadikan ikhtibar bagi memperkuuh semula perpaduan kaum. Semua anggota masyarakat menginginkan kehidupan yang aman dan harmoni di negara yang kita cintai.

Kita harus menjadikan pengalaman silam sebagai ikhtibar kerana perpaduan kaum merupakan asas penting kepada pengukuhan negara bangsa. Dalam nada yang sama kita seharusnya memahami dan menghayati peristiwa sejarah negara ini yang terjajah sekian lama dan memerlukan kekuatan segenap sudut bagi menjamin penjajahan ke atas negara ini tidak akan berulang lagi.

21. Rumusan Pembinaan Negara Bangsa Melalui Pelaksanaan Pakatan Murni.

Pengetahuan yang saya peroleh daripada perlaksanaan Pakatan Murni ialah kita membina sebuah negara dan bangsa yang merdeka dan berdaulat dengan tanpa pertumpahan darah. Langkah bijak yang telah diambil oleh pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang memilih musyawarah dan toleransi antara kaum telah membawa hasil sehingga terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka pada tahun 1957.

Unsur nilai yang diperoleh dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang merdeka ialah toleransi dan kerjasama antara kaum. Tanpa sikap toleransi dan kerjasama masyarakat berbilang kaum agak sukar untuk mencapai kemerdekaan. Apa yang membanggakan negara kita bukan sahaja mencapai kemerdekaan tanpa pertumpahan darah malahan kita dapat mengekalkan kemerdekaan sehingga kini.

Unsur patriotisme yang boleh dijadikan iktibar ialah jati diri dan semangat cinta akan negara. Dengan semangat jati diri dan semangat cinta akan negara semua pemimpin masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum bersatu padu menuntut kemerdekaan daripada British.

Harapan saya ialah agar semua rakyat dapat bekerjasama mengisi kemerdekaan yang telah diusahakan oleh pemimpin silam dan berusaha mengekal kemerdekaan yang telah kita kecapi bersama seterusnya bersama-



sama memacu kemajuan negara agar setanding dengan negara-negara lain di dunia.

Konklusinya apa yang penting ialah kita seharusnya memelihara dan mengekalkan keamanan agar negara terus gemilang dipersada dunia. Kekalkanlah perpaduan kaum, bertolak ansur antara satu sama lain dalam membina negara bangsa Malaysia yang berdaulat.

22. Rumusan tentang kepentingan pembinaan negara bangsa dalam aspek pengetahuan yang diperoleh, nilai patriotisme kepada diri, bangsa dan negara serta harapan untuk masa depan Malaysia yang gemilang.

Antara pengetahuan yang dapat kita peroleh ialah betapa pentingnya perpaduan bagi pembentukan negara bangsa demi memastikan kemakmuran dan kemajuan negara berada dilandasan yang betul. Di samping itu juga, kita dapat mengetahui proses ke arah pembentukan negara bangsa bukanlah perkara yang mudah. Oleh itu menjadi tanggungjawab generasi muda mempertahankan kemakmuran dan keamanan negara kita.

Antara nilai murni yang dapat dijadikan ikhtibar oleh generasi hari ini ialah perlu menghargai kegigihan pemimpin terdahulu dalam usaha menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negara kita. Sehubungan dengan itu, semua kaum di Malaysia perlu berusaha mengekalkan perpaduan demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara kita. Manakala dalam kalangan pemimpin negara masa kini juga, harus berusaha dengan lebih gigih dalam mengukuhkan perpaduan agar rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Unsur patriotisme yang diperoleh ialah semua warganegara perlu mempunyai jati diri dan perasaan cinta akan negara serta mempertahankan dan mengukuhkan kedaulatan negara yang telah dikecapi selama ini. Selain itu, rakyat perlu meningkatkan perpaduan dan keharmonian hidup serta bertoleransi antara satu sama lain.

Saya berharap perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat diperkuuhkan dan disuburkan lagi bagi memastikan Malaysia mampu menjadi sebuah negara yang hebat setanding dengan negara-negara maju di dunia. Selain itu, diharapkan semangat perpaduan yang sedia ada tidak tergugat



dengan isu-isu sensitif yang dimainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian yang telah dibina semenjak negara mencapai kemerdekaan.

23. Apakah kejayaan negara dan bangsa Malaysia yang dapat dibanggakan?

Antara kejayaan yang dicapai hasil pembentukan negara bangsa Malaysia ialah dari segi politik iaitu kewujudan sebuah kerajaan pusat yang mantap hasil gabungan beberapa parti, misalnya sejak tahun 1957 Parti Perikatan memerintah negara hasil gabungan parti UMNO, MCA dan MIC seterusnya diteruskan oleh kerajaan Barisan Nasional sehingga tahun 2018, kemudiannya diteruskan oleh kerajaan Pakatan Harapan hasil gabungan Parti Keadilan Rakyat, Parti Amanah Negara dan Parti DAP.

Selain itu, rakyat Malaysia hidup dalam suasana harmoni dan bersatu padu walaupun berbeza agama, budaya dan adat. Negara kita kekal aman dan damai tanpa perang atau rusuhan kaum. Sehubungan dengan itu, imej negara Malaysia dipandang tinggi di mata dunia sekaligus mampu menarik pelancong asing datang ke negara kita.

Malaysia turut terkenal sebagai negara yang mengamalkan kebebasan beragama. Kebebasan ini menjadi antara faktor yang menjamin keharmonian kaum di Malaysia. Rakyat yang beragama Islam, Kristian, Hindu dan Buddha hidup tanpa prejudis dan saling kunjung mengunjungi apabila tiba hari perayaan masing-masing.

Kejayaan Malaysia terserah melalui pengamalan prinsip Rukun Negara yang dipupuk sejak zaman prasekolah. Kanak-kanak dari pelbagai aliran persekolahan seperti Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) diterapkan nilai kepatuhan kepada agama dan kesetiaan kepada raja dan negara, serta mengamalkan nilai murni seperti hormat menghormati antara satu sama lain.

Di samping itu, Malaysia turut melahirkan tokoh sukan bertaraf dunia. Peminat sukan dunia sudah pasti mengenali Dato Lee Cong Wee, Datuk Nichol Ann David, Pandalela Rinong dan Azizulhasni Awang yang meletakkan nama Malaysia di persada dunia. Bendera Malaysia yang dibawa oleh mereka ternyata membuktikan ketrampilan pelbagai kaum rakyat Malaysia.

Kejayaan Malaysia memenangi Piala Thomas pada tahun 1992 nyata membuktikan hasil gabungan pemain pelbagai kaum mampu menyatukan seluruh rakyat Malaysia. Barisan pemain negara yang ditarik oleh Razif,



Jalani, Rashid, Rahman Sidek serta Foo Kok Keong, Cheh Soon Kit, Soo Beng Kiang sudah pasti diingati oleh seluruh warga Malaysia. Malaysia juga pernah menjadi tuan rumah sukan bertaraf dunia, misalnya Sukan Komanwel 1998 dan Bola Sepak Piala Dunia Remaja tahun 1997 serta Sukan Formula One.

Dari segi penerokaan angkasa lepas, Malaysia turut berjaya melahirkan seorang angkasawan pertama negara iaitu Datuk Dr. Sheikh Muszafar Shukor yang menjadi rakyat Malaysia pertama pergi angkasa lepas.

Selain itu, Malaysia juga berjaya mempunyai sistem pendidikan bertaraf dunia. Kelayakan sijil SPM dan Matrikulasi turut diiktiraf oleh universiti luar negara sekaligus membuka ruang kepada pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di negara berkaitan.

Malaysia juga telah berjaya menganjurkan beberapa persidangan antarabangsa. Malaysia pernah dipilih sebagai tuan rumah Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Mesyuarat Ketua Negara-Negara Komanwel (CHOGM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Malaysia turut berjaya menghasilkan kereta buatan tempatan sejak tahun 1985, iaitu Proton Saga dan diikuti jenama Perodua. Kedua-dua jenama tersebut bergerak megah di jalan-jalan raya dan ia terus berkembang pesat sehingga kini.

24. Nyatakan konsep Sistem Ahli yang pernah dilaksanakan di Tanah Melayu

Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu. Idea penubuhannya telah dicetuskan oleh Dato' Onn Ja'afar dalam perbincangannya dengan Sir Henry Gurney di Kuala Lumpur. Sir Henry Gurney mencadangkan agar model negara Kenya dan Rhodesia Utara dilaksanakan di Tanah Melayu. Cadangan ini selaras dengan hasrat British untuk menjalankan dasar dekolonisasi. Pihak British berharap Sistem Ahli akan dapat mengurangkan tekanan Parti Komunis Malaya.

Sistem Ahli telah dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu pada bulan Februari 1950. Pada bulan Julai 1950, satu rundingan antara pihak British dengan wakil penduduk Tanah Melayu telah diadakan di King's House, Kuala Lumpur. Sir Henry Gurney telah menjemput Dato' Onn Ja'afar (Yang Dipertua UMNO), Dato' Hamzah Abdullah (Menteri Besar Selangor), Raja Uda dan Dato' Nik Ahmed Kamil yang mewakili UMNO dan juga orang Melayu, Dato' E.E.C. Thuraisingam mewakili kaum India serta



Encik Yong Shook Lin dan Dr. Lee Tiang Keng yang mewakili masyarakat Cina. Mereka telah terlibat dengan pendekatan Sistem Ahli.

25. Jelaskan tentang ciri-ciri sistem Ahli yang telah diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu

Sistem Ahli dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955, iaitu sebelum pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dijalankan pada bulan Julai 1955. Antara ciri Sistem Ahli sistem adalah kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk. Anggota Sistem Ahli dikenal sebagai Ahli. Contohnya, Ahli Hal Ehwal dalam Negeri. Pelantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu. Ahlinya terdiri daripada sembilan orang anggota, iaitu lima penduduk Tanah Melayu dan empat orang pegawai Inggeris. Daripada lima orang penduduk Tanah Melayu, tiga daripadanya merupakan orang Melayu, orang Cina dan orang India.

Dalam sistem ini, Ahli-ahli yang dilantik diberikan tugas menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa buah jabatan kerajaan. Mereka menguruskan pentadbiran harian jabatan tersebut mengikut dasar-dasar yang sedia ada. Mereka juga bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP. Dalam menyediakan cadang undang-undang, Ahli akan berbincang dengan pegawai-pegawai kanan British untuk mendapatkan persetujuan bersama. Persuruhjaya Tinggi juga memberikan arahan persetujuan dalam perkara tersebut. Selalunya cadangan undang-undang itu merupakan pendirian pentadbiran British.

Sistem Ahli merupakan tapak asas yang penting bagi melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Sistem Ahli juga memulakan proses perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Ini adalah kerana ahli-ahlinya merupakan gabungan pemimpin daripada pelbagai kaum yang terdapat di negara ini. Perkara ini merupakan asas penting untuk menentukan kemerdekaan yang bakal dicapai mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

Kesimpulannya, Sistem Ahli telah memberikan pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan untuk mentadbir dan menerajui kerajaan walaupun masih dikuasai oleh British.



26. Nyatakan maksud Pakatan Murni sertauraikan langkah-langkah yang diambil dalam usaha untuk melaksanakan Pakatan Murni.

Pakatan murni merupakan usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan satu kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan. Setiap kaum mempunyai tuntutan dan masalah yang tersendiri. Pakatan murni merupakan jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum.

Sebelum Perikatan ditubuhkan, terdapat beberapa usaha mengadakan pakatan murni di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Langkah pertama ialah penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau *Communities Liaison Committee* (CLC) pada bulan Januari 1949 di Pulau Pinang. Pada peringkat permulaannya, CLC ini hanya dianggotai oleh dua kaum terbesar di Tanah Melayu, iaitu Melayu dan Cina, Orang Melayu yang bernaung di bawah UMNO diketuai oleh Dato' Onn Ja'afar, orang Cina pula yang dinaungi Persatuan Cina Malaya atau *Malayan Chinese Association* (MCA) diterajui oleh Tan Cheng Lock. Namun, pada bulan Ogos 1949, CLC telah dianggotai oleh enam orang pemimpin Melayu, enam orang pemimpin Cina dan seorang wakil daripada kaum India, Sri Lanka, Serani dan Eropah.

Penubuhan CLC adalah titik permulaan kerjasama kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Perkara ini merupakan perubahan terhadap dasar UMNO kerana kesanggupannya berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara. Hal ini juga merupakan satu pendekatan baru dalam arena politik Persekutuan Tanah Melayu. Menurut Dato' Onn Ja'afar, perpaduan antara kaum patut menjadi asas kemerdekaan yang akan dicapai.

Hasil daripada perundingan UMNO-CLC, beberapa Perkara telah dipersetujui. Antaranya ialah Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa atau *Rural Industrial Developement Authority* (RIDA) pada Oktober 1950. Tujuan penubahannya adalah memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar terutama kaum Melayu. Pengurus pertama ialah Dato' Onn Ja'afar.

Selain itu, kerakyatan Negeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun, syaratnya ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu.

Seterusnya pilihan raya akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat perbandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).



Langkah kedua pakatan murni ialah pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu seperti yang dicadangkan oleh Dato' Onn Ja'afar pada tahun 1951. Bagaimanapun, beliau telah dikecam hebat kerana masyarakat Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO yang dikhkususkan kepada orang Melayu. Beliau kemudiannya telah meninggalkan UMNO.

Langkah ketiga ialah penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya atau *Independence Malaya Party* (IMP). Dasar IMP mengikut Dato' Onn Ja'afar akan menggunakan konsep kerjasama kaum dalam sebuah parti. IMP terbuka kepada semua kaum yang mahu bekerja untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Dato' Onn Ja'afar menyedari perubahan politik yang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu. Kerakyatan Negeri 1951 tidak lagi menjadikan orang Melayu sebagai rakyat tunggal Tanah Melayu. Sebaliknya, orang bukan Melayu juga menjadi rakyat Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, IMP gagal mendapat sambutan daripada kaum Cina, India dan kaum lain di Tanah Melayu. Ini adalah kerana mereka tidak merasakan bahawa mereka adalah sebagai satu bangsa Tanah Melayu. Rasa perpaduan terlalu asing bagi mereka pada waktu itu.

Langkah seterusnya ialah penubuhan Persidangan Kebangsaan pada bulan Februari 1953 oleh Sir Malcom MacDonald (Gabenor Jeneral Asia Tenggara), di King's House, Kuala Lumpur. Tujuannya adalah untuk mencapai kerjasama politik bagi mengurangkan perasaan perkauman dalam kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Penubuhan Persidangan Kebangsaan diisytiharkan pada bulan April 1953, di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dato' Panglima Bukit Gantang menjadi pengurusnya dan beliau disokong oleh beberapa orang Menteri Besar.

Pada masa yang sama juga, Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan bersama-sama MCA. Konvensyen ini disertai pelbagai parti dan persatuan politik yang lain. Kerjasama ini telah mengasaskan pembentukan Parti Perikatan.

27. Bincangkan kejayaan Parti Perikatan dalam melaksanakan Pakatan Murni.

Kejayaan Parti Perikatan dalam melaksanakan Pakatan Murni bermula apabila terbentuk kerjasama antara UMNO-MCA. Ia berlaku apabila British ingin mengadakan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Kerjasama antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor telah dijalankan oleh Dato' Abdul Razak Yahya dan Ong Yoke Lin. Dalam pilihan raya tersebut gabungan UMNO-MCA telah memenangi sembilan daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama, gabungan UMNO-MCA telah memenangi 26 daripada 37 kerusi



yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya negeri pada tahun 1954, Parti Perikatan telah memenangi 226 daripada 268 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan ini menunjukkan permuafakatan kaum dalam pelbagai parti dapat diterima oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama UMNO-MCA ini telah mengasaskan penubuhan Parti Perikatan yang kemudiannya disertai oleh MIC pada tahun 1955.

Pada tahun 1954, British telah menukuasakan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Jawatankuasa ini dianggotai oleh pemimpin parti politik seperti Parti Negara, UMNO, MCA, MIC dan pegawai-pegawai tinggi British. Jawatankuasa tersebut mencadangkan 52 kerusi dipilih melalui pilihan raya dan 48 ahli MPP dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.

Parti Perikatan telah menyertai pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang diadakan pada 27 Julai 1955. Manifesto Parti Perikatan dalam pilihan raya ini adalah untuk mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun, mewajibkan pendidikan, menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan, menjaga hak asasi manusia dan melindungi hak Raja-Raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan. Dalam pilihan raya itu Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan Parti Perikatan yang amat cemerlang ini telah membolehkan Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Parti Perikatan menjadi Ketua Menteri dan membentuk kabinet. Pembahagian anggota kabinetnya terdiri daripada pelbagai kaum dan kabinet ini berfungsi sehingga kemerdekaan dicapai.

Tunku Abdul Rahman telah mengetuai rombongan rundingan kemerdekaan ke London pada bulan Februari 1956. Beliau disertai oleh Dr. Ismail Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein dan Kolonel H.S. Lee. Empat orang wakil Sultan pula terdiri daripada Dato' Panglima Bukit Gantang (Ketua), Dato' Nik Ahmed Kamil, Encik Abdul Aziz Majid dan Dato' Mohd. Seth. Perundingan tersebut telah dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd, iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British. Rundingan tersebut telah berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956. Dalam perundingan itu, sebuah suruhanjaya bebas untuk mengkaji perlembagaan telah dibentuk. Pihak British telah bersetuju untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Tunku Abdul Rahman telah membuat pengisytiharan tarikh kemerdekaan itu di Bandar Hilir, Melaka.

Kesimpulannya, pakatan murni telah mendapat sokongan pelbagai kaum pada peringkat akar umbi. Mereka telah bekerjasama membentuk permuafakatan



politik Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama ini amat penting dalam usaha untuk menangani tuntutan kemerdekaan.

28. Iktibar yang diperoleh daripada semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia

Perpaduan amat penting dalam pembinaan sesebuah negara yang maju dan pesat membangun. Kepesatan pembangunan negara hanya akan dapat dicapai apabila rakyatnya hidup dalam suasana aman dan harmoni.

Iktibar yang saya peroleh daripada semanat perpaduan ialah keperluan kita sebagai rakyat Malaysia perlu berusaha mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Rahsia keamanan ialah mengamalkan sikap toleransi dalam kalangan rakyat. Hal ini adalah kerana sikap ini mampu merintis jalan dalam menyelesaikan setiap masalah yang timbul dengan mudah. Maka salah faham antara kaum dan etnik dapat dielakkan.

Disamping itu, kita harus menghargai jasa baik pemimpin terdahulu untuk membentuk perpaduan kaum. Hal ini kerana prasyarat utama yang ditetapkan oleh pihak British untuk memberi kemerdekaan ialah perpaduan kaum. Walaupun ia agak sukar dilakukan, namun berkat usaha para pemimpin terdahulu seperti Dato Onn Jaafar, V.T Sambanthan dan Tun H.S. Lee telah berjaya direalisasikan. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu melalui Sistem Ahli dan Pakatan Murni telah membawa hasil yang dapat dilihat pada hari ini.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab generasi muda sebagai pemimpin masa depan memainkan peranan penting dalam memantapkan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Kita haruslah menunjukkan contoh tauladan yang baik dan sentiasa menghormati kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh pemimpin terdahulu.

Seterusnya, kita perlu berwaspada anasir-anasir luar yang ingin melihat negara kita musnah. Terdapat dalam mereka cuba menggugat keharmonian negara. Oleh hal yang demikian rakyat mesti berhati-hati supaya tidak mudah terpengaruh dengan unsur-unsur luar yang tidak bertanggungjawab.

Setiap warganegara yang terdiri daripada pelbagai kaum haruslah mempunyai pemahaman yang mendalam tentang kebudayaan kaum masing-masing. Hal ini membantu mewujudkan perasaan saling memahami dan menghormati nilai dan budaya kaum lain sekaligus dapat mengelakkan berlakunya perbalahan kaum.

Di samping itu, setiap warganegara seharusnya menghayati segala prinsip Rukun Negara. Hal ini kerana Rukun Negara menjadi panduan dalam memastikan



perpaduan kaum di negara kita terjamin. Contohnya prinsip pertama Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan kerana rakyat beragama mudah diurus dan lebih mudah didisiplinkan dalam melahirkan warganegara yang baik. Dengan lahir warganegara yang baik inilah boleh mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat natijahnya negara berada dalam keadaan aman.

29. Jelaskan peranan tokoh-tokoh kemerdekaan berikut:

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Presiden UMNO, Ketua Parti Perikatan dan Perdana Menteri. Melalui kebijaksanaannya mengendalikan pakatan murni antara kaum, kemerdekaan mudah dapat dicapai dengan penuh harmoni dan gemilang tanpa pertumpahan darah.

Tun Abdul Razak

Tun Abdul Razak, iaitu Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, juga telah memainkan peranan penting. Beliau menjadi perunding dalam tuntutan kemerdekaan di London pada tahun 1956. Beliau juga menjadi perunding dalam menyiapkan Perlembagaan Kemerdekaan 1957. Selain itu, beliau menjadi Pengurus Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956 yang menggubal sistem pendidikan kebangsaan negara. Laporan itu dikenal sebagai Penyata Razak pada tahun 1957. Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada tahun 1970.

Tun H. S. Lee

Tun H. S. Lee merupakan tokoh MCA yang telah memulakan kerjasama antara kaum sehingga mencetuskan idea penubuhan Parti Perikatan. Parti ini telah bekerjasama dengan UMNO dan MIC bagi mendapatkan kemerdekaan negara pada tahun 1957.

Tun V. T. Sambanthan

Bagi masyarakat India pula, Tun V. T. Sambanthan telah memberi sumbangan dalam menuntut kemerdekaan negara. Tun V. T. Sambanthan merupakan presiden MIC yang telah bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan negara. Tokoh ini menyokong sepenuhnya dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara yang kukuh dan menyeru kaum India supaya memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara ini



PANEL PENULIS

1. Rosle Yasin **SMK Sentul Utama K. Lumpur**
2. Mike Mahen **Maktab Tentera Diraja K. Lumpur**
3. N. Kanesan **Maktab Tentera Diraja K. Lumpur**
4. Visvanandam **Maktab Tentera Diraja K. Lumpur**
5. Muzlimi Junoh **SMK Convent Sentul K.Lumpur**
6. Muthiah Alorsamy **SMK (L) Methodist K. Lumpur**
7. Maniarasu **SMK Pusat Bandar Puchong 1, Selangor**
8. Thilagamalar a/p T.Rasaratnam **SMK USJ 12, Selangor**
9. Norulayu binti Mohamad **SMK Setapak Indah, K. Lumpur**
10. Shanthi Latha a/p R. Krishnasamy **SMK Dharma, K. Lumpur**

